



TEKS UCAPAN

YBRS. DR. ABDUL RAHIM BIN HARUN

KETUA PENGARAH

AGENSI NUKLEAR MALAYSIA

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN NUKLEAR MALAYSIA

BAGI BULAN JUN 2022

TARIKH:

30 JUN 2022 (KHAMIS)

DTI, BLOK 11

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara dan saudari Pengacara Majlis.

YBRS. DR ROSLI BIN DARMAWAN

Timbalan Ketua Pengarah Program Penyelidikan dan Pembangunan Teknologi,

YBRS. DR ISHAK BIN MANSOR

Yang kini menanggung kerja-kerja Timbalan Ketua Pengarah Program Perkhidmatan Teknikal

YBRS. DR HUSAINI BIN SALLEH

Pengarah Bahagian Keselamatan dan kesihatan Sinaran
Dan juga selaku hos majlis perhimpunan kita pada bulan ini.

Pengarah-pengarah Bahagian, pengurus-pengurus,
Para penyelidik dan warga Nuklear Malaysia yang saya kasihi sekalian,

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia,

[PENDAHULUAN]

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kita bertemu sekali lagi pada pagi yang penuh keberkatan ini dalam Majlis Perhimpunan Bulanan Agensi Nuklear Malaysia yang dianjurkan oleh Bahagian Keselamatan

dan Kesihatan Sinaran. Semoga semua warga Nuklear Malaysia berada dalam keadaan sihat walafiat dan sentiasa di bawah rahmat Allah SWT.

2. Sebagai pembuka bicara, saya ingin mengucapkan **“SELAMAT HARI BAPA”** dengan tema **“KASIH BAPA, PELINDUNG KELUARGA”** yang baru disambut pada 19 Jun yang lepas. Nilai kasih sayang seorang bapa, bagai menatang minyak yang penuh serta pergorbanannya dalam mendidik, membesarkan anak-anak untuk menjadi insan yang berguna kepada agama, bangsa dan negara seharusnya dihargai.

Warga Nuklear Malaysia yang saya hormati,

[SASARAN KERJA UTAMA (SKU) DI BAWAH MODUL PENGURUSAN PRESTASI]

3. Dimaklumkan JPA pada 3 November 2021 telah mengeluarkan arahan penggunaan MyPerformance dalam Pengurusan Prestasi Kumpulan Pengurusan dan Professional serta Kumpulan Pelaksana secara *dual system* bagi tahun penilaian 2022 dan 2023. Arahan ini adalah satu instrument penambahbaikan bagi pengurusan prestasi yang hanya digunapakai kepada kumpulan P&P dan kumpulan Pelaksana di bawah Pekhidmatan Awam Persekutuan sahaja.

4. Sehubungan itu, satu tempoh familiarisasi MyPerformance telah ditetapkan bermula 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2023. Pihak JPA telah pun mengatur jadual-jadual taklimat bagi memberikan penerangan bagi pelaksanaanya.

5. Untuk makluman, LNPT HRMIS dan MyPerformance HRMIS digunakan serentak (dual system) bagi tahun 2022 dan 2023 dalam menilai prestasi dan pemarkahan tahunan pegawai. Namun borang Sasaran Kerja Tahunan (SKT) tidak lagi digunakan mulai tahun ini dan kini digantikan dengan Sasaran Kerja Utama.

6. Bagi tujuan tersebut, satu bengkel telah diadakan pada 17 Februari 2022 untuk membentuk Sasaran Kerja Utama (SKU) setiap kakitangan di Agensi Nuklear Malaysia. SKU ini berfungsi dalam merekod hasil kerja berdasarkan penetapan petunjuk prestasi utama (KPI) mengikut akautabiliti jawatan dan fungsi jabatan. Agensi Nuklear Malaysia juga telah selesai membentuk SKU ini dan proses memuatnaik ke dalam MyPerformance HRMIS akan dijangka selesai pada bulan Ogos 2022.

7. Harapan saya, semua pegawai hendaklah menggunakan Modul Pengurusan Prestasi – MyPerformance HRMIS mulai tahun ini dan sekiranya terdapat gangguan/masalah capaian secara berterusan, maka satu tindakan yang bersesuaian akan dibuat bagi memastikan semua

pegawai boleh menggunakan system ini untuk tujuan pengurusan prestasi tahunannya.

[MESEJ INTEGRITI]

8. Tidak dapat dinafikan, cabaran kos sara hidup yang semakin meningkat telah menyebabkan segelintir penjawat awam melakukan pekerjaan luar untuk menampung keperluan kehidupan harian. Walaupun begitu, sebagai penjawat awam kita terikat dengan peraturan semasa yang berkuatkuasa. Suka diingatkan kepada semua warga Nuklear Malaysia untuk membuat permohonan melakukan pekerjaan luar terlebih dahulu sebelum melakukan pekerjaan luar. Sebagai Ketua Jabatan, saya akan mempertimbangkan setiap permohonan supaya tidak bercanggah dengan peraturan semasa.

9. Mengikut Peraturan 5 di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) P.U(A) 395 1993, Pekerjaan luar adalah dibenarkan dengan syarat tidak dilakukan semasa waktu bekerja dan tidak menjejaskan pekerjaan hakiki. Sekiranya didapati perkara ini memberi kesan kepada pekerjaan hakiki, kelulusan akan ditarik balik. Oleh itu, Pegawai Penyelia perlu sentiasa memantau perkara ini supaya tidak berlaku kesalahan integriti di masa akan datang.

10. Isu integriti penjawat awam bukan lagi isu individu atau isu dalaman organisasi, tetapi merupakan isu kita bersama. Kita tidak boleh lagi mengamalkan sikap '*jangan jaga tepi kain orang*', malah kita patut sama-sama menjaga dan memerhatikan perlakuan rakan-rakan di

sekeliling kita. Ini kerana, mereka yang menjadi jiran kita ini, jika mereka rosak, maka rosaklah juga persekitaran rumah kita. Jika sampah dibuang ke luar laman berhari-hari, maka pasti busuknya akan terhidu sehingga ke rumah kita. Jika kita tidak melakukan sesuatu, ia akan terus menjadi barah yang tidak boleh diubati, dan akhirnya kita akan rosak binasa.

[VISIBILITY NUKLEAR MALAYSIA]

11. Umum mengetahui Agensi Nuklear Malaysia merupakan agensi utama negara dan pastinya segala hasil dan mutu kerja Nuklear Malaysia diperhati dan dinilai oleh Pengurusan Atasan di MOSTI dan juga masyarakat. Nama dan perkhidmatan/produk yang dilaksanakan oleh Nuklear Malaysia kini sering menjadi perhatian terutamanya dari YB Menteri MOSTI dan YBhg. Ketua Setiausaha MOSTI. Baru-baru ni YB Menteri juga telah turun padang meninjau sendiri fasiliti dan kemudahan yang kita ada di Nuklear Malaysia ini iaitu di GGH, Alurtron dan Sinagamma.

12. Justeru, besar harapan saya agar seluruh warga kerja Nuklear Malaysia memberikan sepenuh komitmen akan tugas yang diamanahkan. Saya tahu industri nuklear ini banyak cabarannya, maka kita perlu membulatkan tekad dan berusaha menterjemahkan misi dan visi Nuklear Malaysia agar ianya sentiasa tercapai. Warga Nuklear Malaysia juga perlu bergerak sebagai satu pasukan dan saling berkongsi ilmu, kepakaran dan pengalaman yang ada dalam

memartabatkan nama Nuklear Malaysia di tanah air mahupun arena antarabangsa. Semangat dan nilai-nilai positif perlu dipahatkan di hati sanubari warga Nuklear Malaysia supaya aspirasi yang dituju adalah sealiran dan tidak terkeluar daripada landasan yang sepatutnya.

[KOMPETENSI BKS DALAM MENINGKATKAN TAHAP KESELAMATAN PEKERJA DAN PERSEKITARAN]

13. BKS mempunyai peranan yang penting dalam memastikan keselamatan pekerja dan persekitaran kerja yang kondusif melalui kepatuhan kepada Akta 304 dan penyelarasan aktiviti-aktiviti di bawah Jawatankuasa Keselamatan & Kesihatan Persekitaran (JKSHE). Pada 8 Jun 2022 yang lepas, pihak AELB dengan delegasi seramai sembilan (9) orang pegawai telah membuat audit atau Pemeriksaan Berkala Tamat Lesen bagi lesen LPTA/A/724 yang akan tamat pada bulan Oktober 2022. Pemeriksaan ini adalah aktiviti-aktiviti yang dilesenkan kepada Nuklear Malaysia seperti Juru Perunding Sinaran, Agensi Latihan, Makmal Juru Perunding, Tolok Sinaran dan Penyelenggaraan Radas dan lain-lain.

14. Pemeriksaan meliputi pelbagai aspek keselamatan dan sekuriti sinaran yang mana lawatan akan dilakukan ke beberapa kemudahan seperti Sinagamma, Makmal RAS, WasTeC, KFK dan Makmal Sinaran. Keputusan hasil pemeriksaan daripada pihak AELB ialah SANGAT MEMUASKAN dan Nuklear Malaysia layak untuk membaharui semula lesen bagi tempoh maksimum tiga (3) tahun. Tahniah kepada Pegawai

Perlindungan Sinaran (RPO) lesen LPTA/A/724 iaitu Ts. Dr. Husaini Salleh, Penyelia-penyelia Sinaran, dan semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam operasi sebegini.

15. Selain itu, KMS menerusi Makmal Standard Dosimetri Sekunder (*Secondary Standard Dosimetry Laboratory-SSDL*) dan Makmal Fizik Perubatan (*Medical Physics Laboratory-MPL*) juga merupakan makmal yang diiktiraf sebagai makmal standard kebangsaan untuk sinaran mengion. Ini bagi memenuhi keperluan Akta 304 (Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984), Akta 514 (Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994) dan Akta 675 (Akta Sistem Pengukuran Kebangsaan 2007).

16. SSDL telah menjadi ahli kepada '*International Atomic Energy Agency (IAEA) / World Health Organization (WHO) Network of Secondary Standard Dosimetry Laboratories*' sejak tahun 1979 dan ahli kepada *Asia Pacific Metrology Programme (APMP)* sejak tahun 2005.

17. Saya berharap agar SSDL terus memberikan tanggungjawab dan perkhidmatan yang sentiasa diiktiraf bagi menyediakan, menjaga dan membangunkan standard-standard sinaran mengion (ionizing radiation) seperti sinar-X, gama, beta dan neutron di Malaysia untuk keperluan Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) yang merangkumi industri, perlindungan dan keselamatan sinaran, perubatan (radioterapi dan brakiterapi), pendidikan dan penyelidikan.

18. Tahniah juga SSDL yang telah dilantik oleh pihak Institut Metrologi Kebangsaan Malaysia (NMIM) sebagai '*designated institute*' untuk pusat rujukan sinaran mengion kebangsaan. SSDL juga telah dilesenkan di bawah lesen LPTA/A/724 untuk perkhidmatan analisa Thermo Luminescence Dosimeter (TLD) dan Optical Stimulated Luminescence (OSL) serta kalibrasi alat perlindungan sinaran.

19. BKS pula melalui KSN berperanan membangun dan mengawalselia pelan sekuriti untuk semua kemudahan di Agensi Nuklear Malaysia. Terkini, menguruskan projek kerjasama dengan US-DOE, NNSA, INS yang akan melakukan kerja menaik taraf sistem keselamatan fizikal di Reaktor TRIGA PUSPATI, Nuklear Malaysia melalui kontrak no. 610537. BKS juga memberi khidmat asas, kepakaran dan rundingcara perlindungan dan keselamatan sinaran tidak mengion kepada agensi luar. Perkembangan teknologi komunikasi tanpa wayar (*wireless communication*) bergerak sangat pantas. Terkini, teknologi 5G sedang dilaksanakan di Malaysia oleh pihak kerajaan dan industri telekomunikasi. Namun, selain faedah kepada rakyat, ia juga menimbulkan keresahan kepada orang awam mengenai dedahan sinaran frekuensi dari pemancar telekomunikasi. NIR dengan kerjasama SKMM berperanan untuk menjalankan kajian dan terlibat dengan program kesedaran awam sinaran frekuensi radio kepada orang awam. Ini merupakan sumbangan besar Agensi Nuklear dalam bidang sinaran tidak mengion (NIR) terhadap perkembangan teknologi telekomunikasi di Malaysia.

[PENGLIBATAN BKS SEBAGAI TENAGA PENGAJAR DAN PAKAR SME]

20. Memandangkan BKS boleh dianggap sebagai "tulang belakang" bagi keselamatan sinaran, sekuriti nuklear serta kesiapsagaan dan tindak balas kecemasan, pegawai-pegawai dan kakitangan di BKS ramai yang mempunyai kepakaran, pengetahuan dan pengalaman yang telah dimanfaatkan untuk tujuan latihan dalaman dan luaran, serta menjadi pakar rujukan. Sebahagian besar pegawai dan kakitangan BKS sering dijemput menjadi tenaga pengajar dalam kursus-kursus anjuran CoNE, termasuk PGEC.

21. Tidak ketinggalan juga pihak-pihak luar yang sering menjemput pegawai-pegawai BKS menjadi tenaga pengajar dalam kursus atau bengkel contohnya kursus anjuran Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Kesihatan Negeri (JKN), Institut Kanser Negara (IKN), AELB dan lain-lain.

22. Rata-rata pegawai BKS juga sering dilantik menjadi pakar SME sama ada di peringkat agensi, negeri, negara mahupun antarabangsa. Antaranya, SME bagi pembangunan draf Peraturan Tetap Operasi (PTO) Tindak Balas Kemalangan Radiologi dan Nuklear peringkat negara (di bawah NADMA), SME latih amal (drill) tindak balas kecemasan nuklear Negeri Selangor dan pakar bagi pembangunan makmal dosimetri di negara Brunei.

23. Terima kasih dan tahniah di atas khidmat kepakaran yang telah dicurahkan. Namun, walaupun sering menjadi pakar rujukan dan tenaga pengajar, diharapkan agar kerja-kerja hakiki masih dapat dilaksanakan dengan lancar.

[SKUAD FIRST AIDER SESI 2022/2023]

24. Skuad *First Aider* bagi sesi 2022/2023 adalah skuad *first aider* yang baharu dimulakan dengan lantikan ketua dan timbalan ketua bahru iaitu Encik Faizal Azrin bin Abdul Razalim dan Puan Nur Khairunisa binti Zahidi serta ahli-ahli lain yang telah dilantik. Matlamat utama penubuhan *first aider* ini adalah untuk meneruskan kesinambungan dan memantapkan semula peranan *first aider* (bantu mula) supaya lebih ke hadapan ketika berlaku sesuatu kecemasan. Dan ketika bukan dalam kecemasan pula, pasukan ini berperanan dalam menyebarkan ilmu kecemasan bantu kepada seluruh warga Nuklear Malaysia dengan harapan, semua warga mampu melaksanakan kerja-kerja bantu mula sendiri ketika menunggu bantuan sampai. Untuk makluman, sepanjang tahun 2022, terdapat empat (4) kes telah di laporkan dan berjaya di selesaikan.

25. Skuad ini telah dan akan berterusan memantapkan ahli-ahlinya dengan ilmu dan teknologi terkini menerusi latihan dalaman berterusan. Selain itu, satu modul pengajaran telah di bangunkan untuk mengajar warga Nuklear Malaysia secara berperingkat mengenai asas *first aider*, cara mengatasi dan latihan praktikal CPR yang bertujuan untuk

menguatkan lagi ilmu dan teknikal supaya sentiasa berada dalam keadaan siap siaga.

26. Untuk sesi 2022/2023, terdapat seramai 40 *first aider* telah di lantik semula dan lantikan baru di kalangan kumpulan Pengurusan dan Profesional dan kumpulan Pelaksana. Gabungan dari dua (2) kumpulan ini akan memupuk kerjasama yang mantap untuk bersama-sama dalam menjayakan aktiviti yang akan dijalankan. Dalam hal ini, kerjasama dari warga Nuklear Malaysia amat penting supaya skuad *first aider* sentiasa bersedia sepanjang masa.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

[PENUTUP]

27. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengalu-alukan kedatangan pegawai dan kakitangan baharu yang telah memulakan perkhidmatan di Agensi ini. Selamat bertugas dan saya berharap agar tuan-tuan dan puan-puan dapat menyesuaikan diri, mencurahkan khidmat bakti dan menyumbang tenaga bagi membantu Nuklear Malaysia dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik, berkualiti dan berintegriti.

28. Kepada yang telah bertukar keluar, selamat maju jaya di tempat baharu dan teruskan kecemerlangan tuan-tuan dan puan-puan. Terima kasih di atas sumbangan dan khidmat bakti yang dicurahkan kepada Nuklear Malaysia selama ini.

26. Terima kasih diucapkan kepada penganjur majlis pada hari ini iaitu Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Sinaran (BKS) dan warga kerja Nuklear Malaysia yang terlibat, di atas komitmen yang telah diberikan.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh